

04/07/1998

Cepatkan prosedur lulus projek: PM (HL)

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kakitangan perkhidmatan awam menghapuskan karenah birokrasi, dengan mempercepatkan segala prosedur pentadbiran supaya ekonomi negara dapat dipulihkan segera.

Perdana Menteri berkata, kakitangan awam juga mesti bekerja lebih kuat, terutamanya berurusan dengan sektor swasta yang banyak menyumbang kepada pendapatan negara.

Beliau memberi contoh, apabila syarikat memperolehi keuntungan sehingga RM2 bilion, kerajaan dapat meraih pendapatan sehingga RM560 juta hasil cukai korporat 28 peratus.

Hasil cukai ini, kata Dr Mahathir, dapat digunakan bagi membiayai perbelanjaan pentadbiran dan pembangunan termasuk membayar gaji kakitangan awam.

Justeru, katanya, kakitangan awam mesti menyegerakan segala prosedur dan proses pentadbiran, terutama dalam meluluskan projek.

"Kita tidak boleh lagi bekerja macam dulu. Kalau dulu kita ambil sebulan untuk luluskan projek, kini mungkin kita boleh buat dalam seminggu. Tak boleh tunggu lama. Lebih lama, lebih banyak kita rugi. Kita juga rugikan pelanggan kita.

"Jika itu berlaku kita tidak akan berjaya bangunkan ekonomi kita, maka kita akan jadi mangsa," katanya sambil mengingatkan kakitangan awam bahawa kerajaan juga mungkin terpaksa memotong gaji atau membuang pekerja seperti yang berlaku dalam sektor swasta, jika keadaan ekonomi semakin teruk.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis penyampaian anugerah khidmat cemerlang 1997 Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Pusat Islam, hari ini.

Dr Mahathir juga menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Pergerakan Gaji Secara Melintang kepada 90 kakitangan JPM.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Sebelum itu, Abdul Halim menyampaikan anugerah yang sama bagi Pergerakan Gaji Secara Menegak kepada 137 kakitangan JPM.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga menggambarkan senario yang berlaku dalam sektor swasta akibat kegawatan ekonomi sekarang.

Menurut Dr Mahathir, sektor swasta sudah memberhentikan sejumlah pekerja yang dirasakan tidak perlu, malah ada syarikat pengeluar kereta terpaksa mengurangkan pengeluaran sehingga 70 peratus dan jika keadaan berlarutan, ia mungkin terpaksa membuang pekerja.

"Dalam kerajaan, kita tidak menghentikan pekerja. Cekap tak cekap, ada kerja tak ada kerja, kita tetap kerja sampai pencen," katanya.

(END)